

11

TEORI PEMBELAJARAN

Ahmad Johari Sihes

PENGENALAN

Teori merupakan antara perkara asas kepada sesuatu bidang ilmu, termasuklah bidang psikologi pendidikan. Teori-teori pembelajaran dalam psikologi pendidikan memberi fokus kepada aspek-aspek pembelajaran dan daripadanya datang idea-idea dan prinsip-prinsip tertentu.

Perkataan teori ini sebenarnya tidak asing bagi kita, malah adakalanya digunakan dalam percakapan atau perbualan seharian. Walau bagaimanapun penggunaan perkataan teori dalam perbualan seharian ini mungkin tidak menepati maksud teori yang sebenar. Apakah yang dimaksudkan dengan teori?

Pengertian teori

- Stanovich (1992) telah memberi satu definisi tentang teori, iaitu :
“ ... set konsep-konsep yang saling berkait, yang digunakan untuk menjelaskan sesebuah data dan untuk meramal keputusan kajian-kajian akan datang” .
- Cohen, R pula mendefinisikan teori sebagai satu set pernyataan sejagat yang ada pertalian antara satu sama lain. Ia mengandungi definisi dan pernyataan yang menggambarkan

pertalian antara dua perkara yang dianggap benar. Ia juga mengandungi ayat-ayat yang menggambarkan peraturan bagi membentuk satu pernyataan baru.

- Dalam erti kata lain, kita boleh maksudkan teori sebagai andaian-andaian ataupun hipotesis-hipotesis tentang sesuatu yang berdokongkan kajian.

Maksud teori pembelajaran

Definisi : Hipotesis-hipotesis oleh ahli-ahli Psikologi tentang maksud pembelajaran, bagaimana ia berlaku dan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran.

Fungsi-fungsi teori pembelajaran

- 1) Mendorong kaji selidik dan pemikiran saintifik.
 - Pendekatan kepada satu bidang pengetahuan, memberi panduan kepada:
 - apa yang harus dikaji
 - pemboleh ubah yang terlibat
 - teknik kajian
 - cara menghuraikan hasil kajian.
- 2) Menghuraikan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum pembelajaran dengan seberapa mudah dan ringkas.
- 3) Menghurai dan memberi kesimpulan tentang erti pembelajaran, bagaimana ia berlaku dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Perbezaan teori dan hukum

Perbezaan antar kedua konsep ini boleh dilihat daripada perbezaan ciri-ciri teori dan hukum.

Ciri-ciri teori

- Merupakan pendapat / andaian manusia.

- Tidak dibuat sewenang-wenangnya. Idea-idea diuji dan dinilai kebenarannya.
- Sesuatu teori tidak semestinya kekal. Sekiranya mendapat sokongan kajian – kukuh, sekiranya tidak – menjadi lemah, dan ianya boleh berubah-ubah mengikut dapatan-dapatan baru.
- Tidak boleh dianggap betul atau salah.

Ciri-ciri hukum

- Wujud secara semulajadi.
- Tetap, tidak berubah-ubah.
- Contoh : hukum sains seperti hukum graviti;
Hukum-hukum ciptaan Tuhan.

PENDEKATAN BEHAVIORISME / PERLAKUAN.

Sebelum merujuk kepada definisi pembelajaran kognitif, mari kita merenung bagaimana mazhab behaviorisme mendefinisikan frasa tersebut.

“Pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku kekal yang dihasilkan daripada pengalaman atau latihan.”

~ Williams & Anandam (1973)

Teori pembelajaran Behaviorisme mengatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelaziman, dimana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang kekal. Tokoh-tokoh mazhab behavioris seperti Pavlov, Thorndike dan Skinner berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu tingkah laku yang boleh diperhatikan, dikawal dan diramal.

Dari perspektif behaviorisme, pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap suatu rangsangan yang diberi. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai (sama ada peneguhan positif atau negatif) sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan.

Behaviorisme merupakan satu pendekatan pemikiran yang menekankan peranan pengalaman dalam mengawal tingkahlaku. Menurut ahli-ahli behaviorisme, proses-proses penting yang mengawal tingkahlaku ini adalah dipelajari. Kedua-duanya, iaitu dorongan yang

membangkitkan tingkahlaku serta tingkahlaku tertentu yang dibangkitkan daripada dorongan ini dipelajari melalui interaksi dengan persekitaran. Antara matlamat yang utama pemikiran ini ialah untuk menentukan hukum-hukum ataupun prinsip-prinsip yang mengawal pembelajaran.

Antara tokoh-tokoh ahli behaviorisme yang terkemuka, yang akan dibincangkan di sini ialah Ivan Pavlov, J.B. Watson, E.L. Thorndike dan B.F. Skinner. Eksperimen-eksperimen yang mereka jalankan menjadi asas kepada prinsip dan idea mereka tentang pembelajaran. Secara amnya, kita boleh bahagikan sumbangan mereka kepada 2 kategori : -

- 1) pelaziman klasik : tokoh – Ivan Pavlov dan J.B.Watson
- 2) pelaziman operan : tokoh – E.L Thorndike dan B.F. Skinner.

Di dalam pembincangan ini, fokus akan diberi kepada pelaziman klasik dan diikuti dengan pelaziman operan.

HUKUM LATIHAN

Perkaitan antara rangsangan dan gerak balas bertambah kukuh jika terdapat latihan (contoh: pengulangan meletakkan kucing di dalam sangkar.)

HUKUM KESAN

Ikatan antara rangsangan dan gerak balas akan bertambah kukuh jika terdapat kesan yang memuaskan (ganjaran) selepas sesuatu gerak balas yang dihasilkan. Ganjaran ini boleh dari aspek fizikal, mental, emosi ataupun sosial.

Ikatan akan menjadi lemah sekiranya gerak balas diikuti oleh sesuatu yang tidak menyenangkan (hukuman).

HUKUM KESEDIAAN

Sesuatu ganjaran itu akan berkesan hanya jika ada kesanggupan untuk menerimanya secara psikologi.

HUKUMAN

- Akan melemahkan kekerapan gerak balas.
- Dua jenis hukuman :
 1. Dendaan dikenakan ke atas sesuatu gerak balas – menyebabkan gerak balas tadi akan dihentikan / diturunkan kekerapan.
Contoh: Mencuri – dirotan.
 2. Sekatan daripada sesuatu yang disukai disebabkan sesuatu gerak balas yang tidak disenangi.
Contoh: Membuat bising – tidak boleh keluar rehat.
- Walaupun Skinner memberikan jenis-jenis hukuman, beliau tidak begitu bersetuju dengan kaedah hukuman dalam pembelajaran.

Ahli psikologi kognitif, Bruner (1973) pula memberi definisi seperti berikut:

“Pembelajaran adalah satu proses aktif dimana pelajar membina idea baru atau konsep-konsep yang berasaskan pengetahuan dahulu dan semasa mereka.”

Menurut teori pembelajaran mazhab kognitif, pembelajaran merupakan satu proses pembentukan struktur kognitif dan perwakilan minda yang aktif. Pembelajaran kognitif menekankan cara belajar seperti pemikiran celik akal, kaedah penyelesaian masalah, penemuan, kategori pembelajaran dan resepsi. Ilmu pengetahuan yang diperoleh bukan berhasil daripada latihan-tubi dan peneguhan, tetapi lebih merujuk kepada proses interaksi antara skema minda, pengalaman sedia ada dan keadaan baru, yang juga melibatkan pengharapan seseorang individu tersebut. Dengan perkataan lain, sekiranya seseorang tidak dapat mengenal pasti hubungan perkara dan ertinya yang dipelajari, pembelajaran tidak akan berlaku walaupun diberikan latihan berulang-ulang.

Ahli- ahli psikologi kognitif seperti Kohler, Bruner, Gauge dan Ausubel berpendapat bahawa pembelajaran ialah suatu proses mental (kognitif) yang berlaku dalam akal fikiran, dimana tidak dapat diperhatikan secara langsung daripada tingkah laku manusia. Dalam

kebanyakan situasi, penyelesaian suatu masalah kompleks melibatkan proses pemahaman dan pemikiran kognitif yang menyeluruh.

Pembelajaran Melibatkan Proses Perolehan, Pindahan dan Penilaian

Aktiviti pembelajaran bermula daripada pemerolehan ilmu yang baru. Bruner berpendapat bahawa ilmu baru mungkin berasal daripada pengalaman sebelumnya, mungkin juga tidak berkaitan langsung dengan pengetahuan yang sedia ada. Sebagai contoh, pelajar-pelajar mungkin telah mendapat gambaran konsep kitaran darah yang kabur dalam memberi penjelasan tentang sistem kitaran; sementara pengenalan Hukum Newton pula bercanggah dengan latar belakang ilmu pengetahuan yang bersifat sensori. Tidak kira bagaimana hubungan yang wujud antara ilmu baru dan lama, pengetahuan yang sedia ada tetap akan dipertingkatkan.

Selepas memperoleh pengetahuan baru, pelajar juga mesti melakukan proses generalisasi dengan menggunakan pelbagai cara supaya dapat disesuaikan dengan tugas baru serta meningkatkan jumlah ilmu yang diperolehi. Proses penilaian adalah untuk memastikan sama ada cara generalisasi yang digunakan sesuai untuk tugas (situasi) baru, ataupun pengetahuan dapat diaplikasikan dengan betul atau tidak. Oleh yang demikian, penilaian juga meliputi proses menjustifikasikan rasionalisasi suatu ilmu.

Sebagaimana yang diketahui, matlamat muktamad pembelajaran cadangan Bruner adalah untuk membina struktur kognitif yang fleksibel dan terbuka (*open-ended*), untuk membolehkan struktur ilmu suatu mata pelajaran diubahsuaikan kepada skema kognitif pelajar supaya dapat diaplikasikan dalam situasi dan bidang yang lain. Jadi, guru perlu mengetahui jenis unsur yang diperlukan dalam pembentukan struktur kognitif pelajar, menggunakan strategi yang berkesan untuk membantu pelajar memperoleh ilmu, seterusnya memindah dan menilai terhadapnya.

Kaedah Pembelajaran Penemuan

Apakah yang dimaksudkan oleh kaedah pembelajaran penemuan?

Menurut Bruner, pembelajaran penemuan tidak terhad pada benda atau objek yang belum diketahui oleh manusia, tetapi meliputi sebarang aktiviti yang menggunakan otak dan usaha sendiri untuk mendapatkan suatu ilmu. Sungguhpun ilmu pengetahuan yang diperolehi bukan

merupakan suatu yang baru dan belum diketahui, asalkan ia diperoleh melalui daya usaha pelajar sendiri boleh dikategorikan sebagai satu “penemuan”.

Pendekatan pembelajaran penemuan tidak mempunyai model pengajaran yang tertentu tetapi dilaksanakan mengikut kesesuaian subjek dan pelajar yang terlibat. Akan tetapi, langkah-langkah umum yang digariskan oleh Bruner termasuk:

- (1) pembentukan masalah yang dapat menarik minat pelajar,
- (2) membangkitkan minat pelajar terhadap ketidakpastian masalah,
- (3) menyatakan pelbagai hipotesis yang mungkin,
- (4) membantu pelajar mencari dan mengorganisasikan maklumat,
- (5) memandu pelajar menilai dan membuat kesimpulan,
- (6) memandu pelajar menganalisis kesimpulan yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah.

Dalam pengajaran penemuan, guru bertindak sebagai pereka bentuk, pemudacara dan pembekal bahan serta menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif untuk menemui teori atau kesimpulan tertentu. Guru tidak membekalkan jawapan sebaliknya memberi peluang kepada pelajar memikir dan ‘menemui’ ilmu sendiri. Menurut beliau, penemuan taakulan induktif merupakan kaedah terbaik untuk memperoleh pengetahuan berbentuk hukum dan konsep (terutamanya dalam mata pelajaran sains) untuk meningkatkan prestasi dalam ingatan jangka panjang dan penguasaan dalam menyelesaikan masalah.

Menurut bukunya *The Act of Discovery* (1961), kaedah pembelajaran penemuan sememangnya dapat meningkatkan motivasi intrinsik dan minat pelajar dalam pembelajaran serta membantu perkembangan potensi intelek, pemikiran kritis dan kreatif individu sekiranya dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Akan tetapi, terdapat kelemahan-kelemahan tertentu dalam kaedah pembelajaran penemuan yang dicadangkan oleh Bruner.

Setiap individu mempunyai kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan kecerdasan daripada pelbagai aspek menjadikan pelajar berfikir dan belajar dengan cara yang berbeza. Jadi, kaedah pembelajaran penemuan tidak semestinya bersesuaian untuk semua pelajar. Selain itu, prosesnya juga akan mengambil masa yang lama serta tidak dapat menjamin hasil dan prestasi pembelajaran yang diinginkan. Justeru, kaedah tersebut tidak sesuai dijadikan sebagai

kaedah pengajaran yang utama, tetapi harus digabung dengan kaedah lain mengikut perancangan pengajaran yang bersistematik.

KESIMPULAN

Ahli-ahli psikologi kognitif mengkaji situasi pembelajaran pelbagai yang berfokus pada perbezaan perkembangan kognitif individu yang berbeza. Jadi, teori-teori pembelajaran kognitif berasaskan prinsip dan andaian masing-masing dan tidak melahirkan peraturan am sepertimana yang dirumuskan dalam teori-teori pembelajaran behaviorisme.

Bergerak daripada pembentukan teori pembelajaran Gestalt sehingga munculnya pendekatan konstruktivisme, didapati pemikiran minda diperkembangkan daripada yang hanya berfungsi untuk memproses maklumat baru kepada yang interaksi dua hala antara pengalaman sedia ada dengan ilmu yang diterima untuk membentuk struktur kognitif yang semakin kompleks dan berstruktur. Akan tetapi, tumpuan ahli-ahli psikologi kognitif tetap berkisar pada kajian bagaimana seseorang individu berfikir, mempelajari konsep dan menyelesaikan masalah (eg., Ausubel, 1963; Bruner, Goodnow & Austin 1956).

Apabila teori-teori pembelajaran berkembang mengikut masa, ahli-ahli psikologi pendidikan mendapati bahawa teori pembelajaran kognitif yang menekankan perolehan ilmu intelek dan kemahiran tidak dapat memberi gambaran dan penjelasan yang menyeluruh terhadap perkembangan pembelajaran yang pelbagai. Kekurangan ini telah membawa kepada perkembangan teori pembelajaran humanisme yang memberi penekanan kepada perkembangan emosi dan personaliti individu.

RUJUKAN

- Ab. Fatah Hasan 1994. *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Alderfer, C. (1972). *Existence, relatedness, & growth*. New York: Free Press.
- Arkes, H. R & Garske, J. P. (1982). *Psychological Theories of Motivation*. Monterey, Calif.: Brooks / Cole Publication.

- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. UTM : Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya; Asmah Suboh; Zurihanmi Zakaria; Fawziah Yahya (2005). “Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan” Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.
- Dennis Coon (2002). *Psychology A Journey*. USA: Wadsworth Group Dependent and field independent cognitive style and this implications.
- Derek Torrington, Jane Weighvman (1989). *Effective Management: People and Organisation*. New York; Prentice- Hall, Inc.
- Ee Ah Meng 1994. *Siri Pendidikan Perguruan: Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Fisher, Jeffrey D; Bell, Paul A; Baum, Andrew (1978). *Environmental Psychology (Second Editon)*. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Karl Haberlandt (1997). *Cognitive Psychology*. USA : Allyn & Bacon.
- Kenneth, T. H. & Ben F. E. (1999). *Educational Psychology for Effective Teaching*. America: Wadsworth Publishing Company.
- Lefton, Leston A. (1985) *Psychology*. US: Allyn And Bacon, Inc
- Lefton, Leston A. (1985) *Psychology*. US: Allyn And Bacon, Inc. m.s. 260-265
- Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper.
- Solso R.L. (1995). “Cognitive Psychology (4th Ed.)” United States of America : State of America: Harcourt Brace College Publishers.
- Zanden, James W. Vander. (2000). *Human Development* . USA: The Mc. Graw- Hill Companies. Inc.